# Kristus 2



Published by the Comic Bible Society, LLC
Copyright © 2021

Kingstone Comics maintains copyright to this comic book as provided by United States copyright law.

Print and digital copies of this version may be freely distributed without penalty under a Creative Commons license.


SEBULAN SETELAH YESUS DILAHIRKAN, MARIA DAN YUSUF BERANGKAT DARI BETLEHEM KE YERUSALEM UNTUK PENYERAHAN ANAK DAN MEMPERSEMBAHKAN KORBAN SEPERTI YANG DIWAJIBKAN.
KAMI PERLU DUA EKOR MERPATI, YA.
BAIKLAH!
KAMU DATANG MEMPERSEMBAHKAN KORBAN UNTUK ANAK INI, YA?
YA.
KAMI AKAN AMBIL DUA EKOR INI.
KECILNYA KORBAN KITA...
KITA TIDAK MAMPU MEMBELI DOMBA, MARIA.
YA, YA, SAYA TAHU.
SEPUPU SAYA MENCADANGKAN SAYA UNTUK MENJADI TUKANG KAYU DI BETLEHEM.
JADI, KITA MENETAP DI BETLEHEM?
SAYA TIDAK PASTI...
KITA MUNGKIN TIDAK MENETAP DI SANA, TETAPI SAYA BOLEH MENJANA WANG SECUKUPNYA UNTUK MENJAGA KAMU DAN ANAK INI, DAN MUNGKIN SEBUAH RUMAH...
KITA KAN ADA RUMAH! KAMU YANG MEMBINANYA!


SAYA FAHAM.
TAPI, KALAU MEMANG ADA PELUANG PEKERJAAN DI BETLEHEM, KITA PATUT PERTIMBANGKAN-NYA.
SAYA HANYA MAHU YANG TERBAIK UNTUK KELUARGA KITA.
BAIK, SAYA AKAN FIKIRKAN.
YESUS, LIHATLAH.
KAMU AKAN SELALU MELIHAT TEMPAT INI.
SETIAP TAHUN, KELUARGA DAN KETURUNAN KITA AKAN DATANG KE SINI UNTUK PERAYAAN PASKAH.
MAAFKAN SAYA!
ANAK KAMU!
SAYA BARU MELIHAT ANAK KAMU!
ADA YANG BOLEH SAYA BANTU?
MUNGKIN INI SUKAR UNTUK KAMU PERCAYAI, TAPI SAYA DISURUH UNTUK KE SINI DAN MENCARI ANAK KAMU!
APA YANG KAMU MAKSUDKAN?
MAAF, NAMA SAYA SIMEON. TUHAN TELAH MEMERINTAHKAN SAYA UNTUK KE SINI.
SAYA TIDAK FAHAM MENGAPA, TETAPI SETELAH MELIHAT ANAK INI – DIALAH SEBABNYA!
MAAF, BIAR SAYA JELASKAN.
DULU, TUHAN TELAH BERFIRMAN KEPADA SAYA. DIA BERKATA BAHAWA SAYA TIDAK AKAN MATI SEHINGGA SAYA MELIHAT DIA YANG AKAN MENJADI KELEGAAN DAN PENGHIBURAN UNTUK ISRAEL!
ANAKMU INI! DIALAH ORANGNYA!
BOLEHKAH SAYA MERANGKUL DIA?
YA, SILAKAN.


NAMANYA… SIAPA NAMANYA?
NAMANYA, YESUS.
YESUS… SAYA TIDAK PERCAYA HARI INI TIBA JUGA AKHIRNYA!


MARIA?
TIDAK APA, YUSUF.
TIDAK APA.


SEKARANG, YA TUHAN, ENGKAU TELAH MENEPATI JANJI-MU.
BIARLAH HAMBA-MU MENINGGAL DENGAN TENTERAM.
DENGAN MATAKU SENDIRI AKU SUDAH MELIHAT. PENYELAMAT YANG DATANG DARIPADA-MU.
PENYELAMAT YANG TELAH ENGKAU SEDIAKAN DI HADAPAN SEMUA BANGSA!
BAGAIKAN CAHAYA YANG MENUNJUKKAN KEHENDAK-MU BAGI BANGSA-BANGSA LAIN DAN CAHAYA YANG MENDATANGKAN KEMULIAAN BAGI UMAT-MU ISRAEL!

LUKAS 2:28-32


ANAK INI MEMPUNYAI TAKDIR YANG BESAR.
ANAK INI SUDAH DIPILIH OLEH ALLAH UNTUK MEMBINASAKAN DAN MENYELAMATKAN BANYAK ORANG ISRAEL.
DIA AKAN MENJADI TANDA DARIPADA ALLAH, YANG AKAN DILAWAN OLEH BANYAK ORANG, DAN DENGAN DEMIKIAN TERDEDAHLAH RAHSIA FIKIRAN MEREKA.
DAN…
SEPERTI PEDANG YANG TAJAM, KESEDIHAN AKAN MENIKAM HATIMU.


HANA! KE SINI, CEPAT!
HANA ADALAH SEORANG NABIAH! DIA HARUS MELIHAT ANAK INI!
ANAK INI, SIMEON!
KAMU TAHU SIAPA ANAK INI, BUKAN?
DIALAH YANG KAMU NANTI-NANTIKAN!
DIALAH YANG TUHAN JANJINKAN UNTUK DILIHAT MATAMU!
ALANGKAH DIBERKATI MASA TUAKU!
INILAH HARINYA!
MESIAS DARI TUHAN! SANG PENYELAMAT DARI TUHAN!
SEMUA ORANG YANG MENCARI PENEBUSAN DI YERUSALEM, INILAH DIA DI DEPAN MATAMU!
DIA SUDAH DATANG! ANAK INI!
YUSUF, MARILAH KITA MASUK…
MARI KITA LAKUKAN TUJUAN SEBENAR KITA DATANG.
DENGAN ITU, MARIA DAN YUSUF MEMPERSEMBAHKAN KORBAN MEREKA, SATU KORBAN UNTUK PENYUCIAN DAN SATU UNTUK PENYERAHAN ANAK, SEPERTI YANG DIPERINTAHKAN DALAM HUKUM TAURAT.

LUKAS 2:36-38


DUA TAHUN KEMUDIAN.
KADANG-KADANG SAYA TERFIKIR BAGAIMANA YA HIDUP KITA KALAU KITA KEMBALI KE NAZARET?
SAYA JUGA, MARIA, TETAPI KEADAAN KITA SEKARANG CUKUP BAIK.
DI NAZARET, KITA TIDAK MUNGKIN MENDAPAT BANYAK KERJA KERANA KITA HARUS BERBAHAGI DENGAN BAPA DAN ADIK-BERADIK SAYA.
DI SINI, PENDAPATAN SAYA CUKUP UNTUK KITA.
YA, TETAPI KADANG-KADANG UNTUK KITA BERTIGA SAHAJA HAMPIR-HAMPIR TIDAK CUKUP!
BAGAIMANA PULA KALAU ANAK-ANAK KITA BERTAMBAH?
TETAPI BUAT MASA SEKARANG HANYA KITA BERTIGA, KAN? KECUALILAH ADA YANG BELUM KAMU BERITAHU SAYA.
BUKAN SAYA TIDAK MAHU PULANG.
CUMA, SAYA BELUM BERSEDIA UNTUK MENINGGALKAN BETLEHEM.
YUSUF, SAYA RINDU KELUARGA SAYA. SAYA INGIN TINGGAL DI RUMAH YANG KAMU TELAH BINA UNTUK KITA!
BERBAHAGI KERJA DENGAN KELUARGAMU BUKANLAH TERUK SANGAT MEMANDANGKAN MEREKA SATU-SATUNYA TUKANG KAYU DI NAZARET.
SAYA RASA LEBIH SELAMAT TINGGAL BERDEKATAN DENGAN KELUARGA KITA--
APA BUNYI ITU?
KUDA. KUDA YANG BANYAK. BUNYINYA SEPERTI KERETA KUDA.
YESUS ADA DI LUAR SANA…
YESUS!
YESUS!



LUKAS 2:36-38



MATIUS 2:11


ANAK INI.
KAMI TELAH MELIHAT BINTANG YANG MEMBAWA KAMI KE SINI.
KAMI TAHU BAHAWA ANAK YANG CUKUP PENTING TELAH LAHIR.
DAN INILAH ANAK ITU, BUKAN?
NAMA DIA YESUS.
KITA TELAH MENEMUKAN YANG KITA CARI-CARI!
TERPUJILAH ANAK RAJA!
TERPUJILAH MESIAS!
TERPUJILAH MESIAS!



MATIUS 2:11


MAAF, RUMAH KAMI SEDERHANA SAHAJA.
SEDERHANA? TIDAK! RUMAH YANG MENEDUHKAN SEORANG RAJA TIDAKLAH SEDERHANA!
KAMI TAHU SIAPA ANAK INI.
KAMI MENGERTI MAKSUDNYA.
KETIKA MELIHAT BINTANG TERSEBUT, KAMI BERTANYA-TANYA AKAN MAKSUDNYA DAN KAMI MENCARI-CARI TULISAN LAMA YANG MUNGKIN BOLEH MENJAWAB PERSOALAN KAMI!
"KAMI TELAH MENEMUKAN JAWAPANNYA DALAM TULISAN-TULISAN DARI BERATUS-RATUS TAHUN LALU YANG TERSIMPAN DI ARKIB KAMI, YANG TERTULIS OLEH BANGSAMU SENDIRI."
"KAMI TELAH MENGEKORI BINTANG ITU, DAN SEPERTI YANG KAMI JANGKA, KAMI DIPIMPIN KE NEGERI KALIAN!"
"NAMUN BINTANG ITU TIDAK KELIHATAN LAGI SETIBANYA KAMI KE YERUSALEM, KERANA KAMI BERFIKIR PASTILAH DI SANA LAHIRNYA ANAK YANG BAKAL MENJADI RAJA!"
"RAJA KALIAN SENDIRI TIDAK DAPAT MEMBANTU KAMI, TETAPI PARA PENASIHAT BAGINDA TELAH MENEMUKAN NUBUAT-NUBUATAN YANG MERUJUK KE BETLEHEM."
"RAJA HERODES MENYURUH KAMI PERGI DENGAN PERINTAH BERIKUT,"
"PERGILAH DAN CARILAH ANAK ITU DENGAN SAKSAMA. APABILA KAMU MENJUMPAI DIA, BERITAHULAH BETA, SUPAYA BETA JUGA BOLEH PERGI MENYEMBAH DIA."
"SETELAH ITU, BINTANG TERSEBUT MUNCUL KEMBALI DAN KAMI DAPAT MENGEKORINYA LAGI SEHINGGA KAMI DIPIMPIN KE SINI!"
"MENEMUI KALIAN BUKAN SUATU MASALAH. TERNYAYA, KELAHIRANNYA MENGGEMPARKAN KOTA KECIL INI!"
"DENGAN BINTANG DAN CERITA-CERITA RAKYAT SETEMPAT TENTANG PARA MALAIKAT, DITAMBAHKAN LAGI NUBUATAN-NUBUATAN PARA NABI, KAMI YAKIN BAHAWA KAMI BUKAN SAHAJA MENCARI SEORANG RAJA, TETAPI SESEORANG YANG JAUH LEBIH MENDALAM DAN ISTIMEWA."

MATIUS 2:1-10






MATIUS 2:11-12


DI MANA MEREKA?
DI MANA MEREKA?
TUAN, MEREKA TELAH MENINGGALKAN BETLEHEM TIDAK LAMA SETELAH MEREKA TIBA.
DARI APA YANG KAMI DENGAR, MEREKA SUSAH BERANGKAT CUKUP LAMA DAN SEHARUSNYA SUDAH TIBA DI SINI SEKARANG, NAMUN--
NAMUN MEREKA TIDAK ADA DI SINI!!!
MEREKA TAK ADA DI SINI!!
MEREKA TAK ADA DI SINI!!
KALAU KHABAR TENTANG ORANG-ORANG NUJUM INI— ATAU ‘PENCIPTA RAJA’–TELAH MENYEMBAH ANAK INI --





MATIUS 2:16-18


BETLEHEM.
YUSUF, BANGUN!
CEPAT BAWA ISTERI DAN ANAKMU PERGI DARI SINI.
KAMU HARUS LARI KE MESIR DAN TINGGAL DI SANA SEHINGGA SAYA MENYURUH KAMU PULANG.
APA?
RAJA HERODES MAHU MEMBUNUH ANAK INI. KAMU HARUS PERGI.
TAPI…
BAGAIMANA…
MARIA?
ADA APA, YUSUF?
BANGUN, CEPAT.
SEORANG MALAIKAT TELAH MEMBERITAHU SAYA BAHAWA HERODUS MAHU YESUS DIBUNUH.
KITA HARUS TINGGALKAN TEMPAT INI. SEKARANG.

MATIUS 2:13



LALU, MARIA,YUSUF DAN YESUS MENGIKUT ARAHAN MALAIKAT ITU.
TOLONGLAH, TUAN, KAMI HANYA PERLU SATU TEMPAT UNTUK BERMALAM.
SAYA HANYA ADA SATU BILIK YANG KOSONG. NAMUN, KALAU SAYA HARUS MENYIAPKANNYA MASA SELEWAT INI…
KAMI AKAN MEMBERI KAMU WANG EMAS INI.
BAIKLAH KALAU BEGITU!
…SEDANGKAN TENTERA HERODES MENGIKUT PERINTAH BAGINDA.
DI MESIR, MEREKA MEMBINA HIDUP MEREKA SENDIRI DENGAN KEMAHIRAN PERTUKANGAN KAYU YUSUF SERTA HADIAH-HADIAH ORANG NUJUM.


KUBU RAJA HERODES.
TIDAK LAMA KEMUDIAN.
…JADI, KAISAR YANG AGUNG, BETA—UGH—MENYARANKAN TUAN UNTUK MEMBAHAGI-BAHAGIKAN TANAH ORANG YAHUDI SEPERTI YANG TELAH BETA SUDAH RANGKA.
"…SEPERTI YANG SUDAH BETA RANGKA."
AYAHANDA!
PENGKHIANATAN APAKAH INI?
AYAH MAHU SAYA BAHAGIKAN TANAH INI DENGAN FILIPUS DAN ARKELAUS?
ANAK!
AYAH—ARG—AYAHANDA TAHU APA YANG TERBAIK! UNTUK KAMU DAN TANAHKU!
AYAHANDA, AYAHANDA TAHU INI BUKANLAH TENTANG APA YANG TERBAIK UNTUK SAYA ATAU TANAH INI.
*UGH*. BAU APA INI? SELURUH RUANGAN INI BAU BANGKAI!
LIHATLAH DIRIMU, WAHAI RAJA HERODES, RAJA ORANG YAHUDI!
AYAHANDA TELAH MENGHABISKAN BANYAK WAKTU MELINDUNGI TEMPAT INI DALAM KERAJAAN KITA!
AYAHANDA TELAH MEMBUNUH ISTERI DAN ANAK-ANAK, BAHKAN ANAK LELAKIMU SENDIRI SUPAYA AYAHANDA KEKAL TAKHTAMU SEBAGAI RAJA!
TAPI LIHATLAH DIRIMU SEKARANG, AYAHANDA!
AYAHANDA TELAH GAGAL!
KERAJAAN INI AKAN DIRAMPAS JUGA AKHIRNYA!
KEMBALI KE SINI!
HADAPI BETA SEPERTI SEORANG LELAKI SEJATI!
KAMU BODOH, BODOH… *ARRHHH*…




MATIUS 2:19-21


KETIKA YESUS BERUMUR DUA BELAS TAHUN, YESUS DAN IBUBAPANYA TELAH PERGI KE YERUSALEM UNTUK MERAYAKAN PERAYAAN PASKA SEPERTI YANG BIASA MEREKA LAKUKAN SEBAGAI SATU TRADISI.
APABILA MEREKA KEMBALI KE NASARET SETELAH PASKAH, MARIA DAN YUSUF BERPISAH MENGIKUT ADAT, DI MANA PARA LELAKI AKAN BERADA DI BAHAGIAN BELAKANG ROMBONGAN, MANAKALA WANITA DAN ANAK-ANAK BERADA DI HADAPAN.
ADAKAH KAMU SELESA?
MARIA, AKU SUDAH DUDUK DI KELDAI INI CUKUP LAMA!
APA PENDAPAT KAMU?
MARI SAYA BANTU KAMU SUPAYA KAMU BOLEH MERENGGANGKAN OTOT.
SAYA MENGERTI SEKALI PERASAAN INI. SAYA PERNAH MELAKUKAN PERJALANAN SEPERTI INI DULU.
KAMU? KALAU KAMU MEMPUNYAI TULANG RAPUH SETUA SAYA, KAMU PASTI FAHAM.
SAYA SEDANG MENGANDUNG KETIKA ITU.
KAMU FIKIR SETELAH APA YANG BERLAKU KEPADA ZAKHARIA, SAYA BELAJAR UNTUK LEBIH BERDIAM!
TERIMA KASIH KERANA BERJALAN DENGAN SAYA.
INI TAHUN PERTAMA YOHANES ANAKKU BOLEH BERJALAN DENGAN PARA LELAKI DAN DIA CUKUP SEMANGAT.
PERJALANAN KALI INI LEBIH SUNYI SETELAH DUA BELAS TAHUN BERJALAN PULANG BERSAMANYA.



MUNGKINKAH DIA AKAN MENGIKUT JEJAK AYAHNYA UNTUK MENJADI SEORANG IMAM?
ADAKAH DIA AKAN MENGIKUT JEJAK AYAHNYA?
YA.
SEBAGAI SEORANG IMAM?
TIDAK.
DIA CUKUP PINTAR DALAM PEMBELAJARANNYA, MALAH LEBIH BAIK DARIPADA ANAK-ANAK SEBAYANYA
TAPI… DIA TIDAK SESUAI UNTUK MENJADI IMAM.
DIA SANGAT… BERDIKARI.
HANYA KAMU YANG BOLEH MEMAHAMINYA.
DIA TELAH DITAKDIRKAN UNTUK SESUATU YANG BERBEZA.
JADI YA, DIA AKAN MENJADI SEPERTI AYAHNYA, YANG MENUNJUKKAN JALAN KEPADA TUHAN KITA KE ORANG-ORANG.
TETAPI BUKANLAH DARI DALAM BAIT SUCI.
SAYA FAHAM MAKSUDMU.
DAN SAYA MERASA TAKUT DENGAN HAL ITU.
PARA MALAIKAT TELAH MEMBAWA BERITA KELAHIRAN ANAK INI DAN TELAH MEMBERI AMARAN UNTUK MENINGGALKAN BETLEHEM KERANA HERODES MAHU MEMBUNUHNYA!
SEORANG NABI DI YERUSALEM TELAH MENUBUATKAN TENTANG PERKARA LUAR BIASA YANG YESUS AKAN LAKUKAN, NAMUN JUGA MENUBUATKAN BAHAWA PEDANG AKAN MENUSUK JIWA SAYA!
SAYA TIDAK SANGGUP KEHILANGAN ANAK SAYA!
MARIA, MARIA…




LUKAS 2:43-45


YESUS DAN YOHANES, JUGA, MENURUT SAYA, TUGAS KEDUA-DUA MEREKA ADALAH LEBIH BESAR DARI SEKADAR ANAK-ANAK KAMI!
--DAN MEREKA AKAN MENJADI LEBIH BERMAKNA BAGI RAMAI ORANG!
MUNGKIN, TETAPI DIA ANAK SAYA DAN SAYA IBUNYA DAN--
IBU?
ADA APA, SAYANG?
IBU ADA MELIHAT YESUS?
DIA BERMAIN BERSAMA SAYA DALAM PERJALANAN KE YERUSALEM DAN SAYA MENGHARAPKAN DIA BOLEH BERMAIN DENGAN SAYA DALAM PERJALANAN PULANG JUGA!
TAPI, SAYA TIDAK TAHU DI MANAKAH DIA!
SAYA BERSUMPAH, LEMBU JANTAN ITU BERADA DALAM LUMPUR SAMPAI KE PERUTNYA, TETAPI HARUN TELAH MASUK KE LUMPUR UNTUK MENGIKAT TALI DI LEHER BINATANG ITU, SUPAYA MEREKA BOLEH MENARIKNYA KELUAR…
….DIA SENDIRI TENGGELAM DI DALAM LUMPUR SAMPAI KE LEHERNYA!
YUSUF!
ALAMAK, YUSUF!
ISTERIMU SEDANG MEMANGGIL!
DAN SAYA PATUT MENJAWAB! DIA KEDENGARAN BIMBANG…


MARIA, ADA APA?
DI MANA YESUS? ADAKAH DIA BERSAMA KAMU?
APA? TIDAK! DIA BERSAMA KAMU!
DIA TIDAK BERADA DENGAN ROMBONGAN WANITA DAN ANAK-ANAK, DAN MEMANDANGKAN DIA SUDAH CUKUP UMUR UNTUK MENYERTAI ROMBONGAN LELAKI, SAYA BERFIKIR…
KITA AKAN TANYA SEPUPU-SEPUPUNYA KALAU MEREKA ADA MELIHATNYA!
SAYA SUDAH TANYA PARA WANITA DI HADAPAN, DAN TIADA SEORANG PUN TELAH MELIHAT DIA.
JADI, DIA MESTI DI BELAKANG BERSAMA ROMBONGAN LELAKI.
ATAUPUN, DIA MASIH DI--
*"—YERUSALEM!"*
SAYA PATUT MEMERIKSA DULU DENGAN KAMU.
MARIA, TIDAK.
YESUS TIDAK PERNAH BERKELAKUAN BEGINI. MANA MUNGKIN KAMU BOLEH MENJANGKAKAN HAL INI?

LUKAS 2:44-45


DI YERUSALEM, MEREKA MULA MENCARI YESUS.
MARIA DAN YUSUF! MENGAPA KAMU KEMBALI KE SINI?
BUKANKAH KAMU DALAM PERJALANAN PULANG KE NASARET?
ADA APA-APA YANG TERTINGGAL?
TIDAK... SEBENARNYA, YA...
YESUS TIDAK ADA BERSAMA ROMBONGAN PULANG.
OH, BEGITU.
MAAF, DIA TIDAK ADA DI SINI.
TERIMA KASIH.
SAYA TIDAK DAPAT BERHENTI BERFIKIR MUNGKINKAH DIA ADA LALU DI JALANAN TANPA KITA SEDARI.
BAGAIMANA KALAU DIA TERLUKA, DI JALAN, TETAPI KITA PULA MENCARI DI KOTA?
MARIA, JANGANLAH BERFIRKIR BEGITU. MARI KITA TERUS MENCARI.
DAN BERDOA.
MAAF BERTANYA, ADAKAH KAMU MELIHAT ANAK SAYA?
UMURNYA DUA BELAS TAHUN DAN DIA KEMUNGKINAN BERKELIARAN SENDIRI. SEDERHANA TINGGI DAN BESAR, SERTA BERAMBUT GELAP.
PUAN BARU MENGGAMBARKAN RUPA SEPARUH DARI ANAK-ANAK DI KOTA INI!
KAMI BERFIKIR MUNGKIN KAMU ADA MELIHATNYA MEMANDANGKAN KAMU DI SINI SEPANJANG HARI!
SAYA FAHAM —SAYA SENDIRI ADA LAPAN ORANG ANAK—TAPI MAAF, SAYA TIDAK DAPAT MENOLONG KAMU!
INI SEMUA SIA-SIA! KOTA INI TERLALU BESAR!
KITA TELAH MENCARI DI SEMUA TEMPAT YANG DIA MUNGKIN TELAH PERGI!
TUNGGU, BELUM SEMUA!
LUKAS 2:45-46


-- KAMU MENGUTARAKAN HAL YANG CUKUP MENARIK, NAK, YANG BELUM PERNAH SAYA FIKIRKAN SELAMA INI!
NAMUN, KAMU TIDAK BOLEH MENYANGKAL KEPENTINGAN HUKUM TAURAT!
JANGAN LUPA, HUKUM INI TELAH DIBERIKAN KEPADA KAMI OLEH TUHAN SENDIRI DAN BUKAN UNTUK DISIA-SIAKAN!
IA BUKANLAH SEKADAR HUKUM-HUKUM YANG HARUS DITURUTI.
BAGI SAYA SOALAN YANG PENTING BUKANLAH “BAGAIMANA KITA MENGIKUT HUKUM TAURAT?”
TETAPI, KITA HARUS LEBIH PERIHATIN DENGAN “BAGAIMANA KITA MENGIKUT DIA YANG MEMBERIKAN KITA HUKUM INI?”
YA! BENAR SEKALI, NAK!
BENAR SEKALI!
YESUS!


NAK, MENGAPA BERBUAT SEPERTI INI?
CEMAS HATI AYAH DAN IBU MENCARI-MU!
KAMI TELAH MENCARI KAMU MERATA TEMPAT!
SAYA TELAH BERFIKIR KAMU DISAKITI… ATAU LEBIH PARAH LAGI!
SAYA TIDAK SANGGUP KEHILANGANMU!
JADI? JAWABLAH IBUMU.
JELASKAN KENAPA KAMU HILANGKAN DIRI BEGITU DAN BUATKAN KAMI MENCARI-CARI KAMU DI SELURUH KOTA?
MENGAPA MENCARI AKU?
TIDAKKAH AKU HARUS DI RUMAH BAPA-KU?

LUKAS 2:48-50


MARILAH, NAK.
SUDAH WAKTUNYA KITA PULANG.
TERIMA KASIH, ANAK MUDA, KERANA BERBAHAS DENGAN KAMI!
PENCERAHAN YANG CUKUP BAIK! OTAK SAYA SUDAH LAMA TIDAK DISTIMULASI SEBERGINI!
NAMUN, MENURUT HUKUM YANG TELAH DIBERIKAN OLEH MUSA, "HORMATILAH ORANG TUAMU"!
ANAK INI CUKUP MENAKJUBKAN!
OH, YA, SAYA TAHU!
PENGERTIANNYA CUKUP DALAM TENTANG PERKARA-PERKARA YANG KAMI SUKAR FAHAMI!
ANAK INI DITAKDIRKAN MELAKUKAN PERKARA BESAR!
YA!

LUKAS 2:47-48


DAN YESUS MULAI MEMBESAR.
BERTAMBAH BIJAKSANA.
BERTAMBAH BESAR DAN DEWASA.

LUKAS 2:52


DIA MENYENANGKAN HATI ALLAH.
DAN DIA DISENANGI HATI MANUSIA.
DAN BAGI MARIA SEMUA INI SUNGGUH BERNILAI DI HATINYA

"THE BIBLE EXPLAINED
IN EVERY LANGUAGE."













**SUPERBIBLE.TV**